

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH : 19.3.2015
SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik berhubung tindakan tatatertib dan jenis hukuman yang dikenakan ke atas kakitangan awam di universiti awam semenjak tahun 2000 sehingga 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2014, terdapat 1,267 kes yang dilaporkan yang melibatkan tindakan tatatertib terhadap kakitangan awam di universiti awam. Pihak Universiti awam mengunapakai Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dalam mengendalikan kes-kes seperti ini di mana kuasa adalah di bawah Lembaga Tatatertib Universiti masing-masing.

Antara jenis hukuman yang boleh dikenakan di bawah akta ini adalah berdasarkan kepada merit dan tahap keseriusan sesuatu kes seperti seperti berikut:

1. Amaran
2. Denda

3. Potongan emolumen
4. Turun gaji
5. Tangguh pergerakan gaji
6. Buang kerja
7. Penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam.

RJM42